

## #AWANIrangers: MahumajuberadabcaraJepun

11 Mac 2018



**Program initalahmengubahpersepsiawal para peserta - Foto AWANI Rangers UTHM**

**BATU PAHAT:** Negara 'matahariterbit', Jepunsememangnyasudah lama dikenalidenganbudayadansikapmereka yang amatberbudipekertitinggisertasalingmenghormatiantarasatusama lain.

Malaysia yang kinisemakinmengoraklangkahuntukmenjadinegaramajuseharusnyabelajardinegaraini.

Susulanitu 20 pensyarahmudauniversitiawmdariseluruh Malaysia telahdihantarbagimenyertai program RangkaianJepun dan Asia Timurdaripada program PertukaranPelajardanPemuda (JENESYS 2017) yang diadakanpada 30 Januarihingga 5 Februarilalu di Jepun.

Program olehkerajaanJepundanPusatKerjasamaAntarabangsaJepun (JICE) memberipendedahankepadapensyarah-pensyarahterhadapsainsdanteknologiselainmenyisipkanpemahamanberkenaanpolitik, warisandanbudayaJepun.

Antara lain, program telahmengubahpersepsiawalsesetengahpeserta yang

padamulanyaberpandangan negaramaju seperti Jepun mengabaikan budaya, etika dan warisan tradisional.

Sebaliknya mereka masih menjunjung tradisi dan masyarakat negaraitu yang mempunyai nilai sopan santun yang tinggi berbanding negaramaju yang lain.

Selain itu budaya menepati masa dan pembersih yang ditonjolkan oleh masyarakat Jepun membuatkan para peserta begitu kagum walaupun Jepun bukan masyarakat yang mementingkan agama.

Meninjau teknologi Jepun dalam bidang Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (ICT), para peserta program dibawa ke Institut Kebangsaan Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (NICT) di Kobe, Hyogo.

Pelbagai kajian terkini yang telah diterbitkan di makalah yang berimpak tinggi dibentangkan kepada para peserta program ini.

Selain itu para peserta juga didedahkan dengan perkembangan ilmu sains foton ketika melawati Pusat Riken Spring-8.

Peserta juga melawat Istana Himeji dan kuil Engyo-Jibagi mendalam sejarah Jepun.

Reka bentuk istana Himeji yang mampu melirukan musuh menggambarkan cara pemikiran rakyat Jepun yang teliti dan holistik dalam mempertimbangkan segala kemungkinan yang akan berlaku.

Pengalaman ketika berada di Jepun ini sememangnya sangat berharga buat semua penyarah mudain dan mereka berusaha untuk menerapkan budaya baik rakyat Jepun kepada pelajar mereka selain membuat hubungan penyelidikan antara pusat penyelidikan Jepun dan universiti masing-masing.

Semoga Malaysia juga mampu menjadi hebat seperti negara Jepun bukan sahaja dari segi teknologi, tapi juga dari segi budaya dan peradaban yang tinggi!

---

***\* Laporan ini disediakan oleh AWANI Rangers, Anbia Adam dan Zulfadli Rozali dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Suntingan oleh Puan Suriyati Baharom.***

***\*\*Awani Rangers ialah inisiatif Astro AWANI bagi menggalakkan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk berkongsi cerita serta menghasilkan bahan berita dan informasi dalam era kewartawan moden.***

***\*\*\*Awani Rangers UTHM ialah inisiatif kerjasama strategik Astro AWANI dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).***